KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	19.03.22	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	TNB			

LOMBONG KRIPTO

CAP bantah syor TNB mahu bekal elektrik

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Tenaga Nasional Berhad (TNB) membatalkan cadangan membekalkan elektrik kepada pengendali pelombong mata wang kripto berikutan kesan sampingannya yang serius terhadap penggunaan tenaga dan alam sekitar.

Presiden CAP Mohideen Abdul Kader berkata, pada asasnya, cadangan membekalkan elektrik kepada pelombong berkenaan tidak masuk akal kerana ia menggunakan kapasiti besar.

Katanya, melombong mata wang kripto membabitkan rangkaian mesin khas, dikenali sebagai pelantar perlombongan yang berfungsi 24 jam.

Katanya, pelantar dengan tiga kad grafik bagi unit pemprosesan grafik boleh menggunakan 1,000 watt tenaga atau lebih apabila ia beroperasi.

"Ia ibarat mesin basuh beroperasi siang dan malam bagi setiap penggunaan pelantar dan untuk melombong mata wang kripto, ratusan atau ribuan pelantar terbabit dalam satu masa.

"CAP berpendapat melombong mata wang kripto tidak sepatutnya dibenarkan sama sekali," katanya, semalam.

Mohideen berkata, jika penjanaan elektrik negara yang sebahagian besarnya bergantung kepada arang batu dan gas asli meningkat akibat perlombongan mata wang kripto, ia memberi kesan terhadap pelepasan pengeluaran karbon dioksida dan alam sekitar.

"Pelantar perlombongan menghasilkan banyak haba dan ia menyumbang kepada pemanasan global," katanya.